



SEBAHAGIAN kereta ditenggelami dalam banjir kilat di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak, semalam.

15 kereta tenggelam banjir kilat di UIAM

KUALA LUMPUR 4 Jun - Hujan lebat kira-kira sejam bermula pukul 2 petang ini mengakibatkan beberapa lokasi di sekitar Gombak dekat sini termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ditenggelami air sedalam 0.5 meter ekoran air sungai berdekatan melimpah.

Kawasan lain ialah Taman Melati, Jalan Lingkaran Tengah 2 (JLT2) dan Jalan Kampung Tengah Batu 6.

Dalam kejadian di UIAM, kawasan yang terjejas teruk adalah lokasi berhampiran bangunan Fakulti Arkitek dan Rekaan Alam. Sekitar dengan kira-kira 15 kereta ditenggelami air.

Menurut jurucakap Bahagian Komunikasi Korporat UIAM, tiada mangsa atau kemalangan jiwa yang dilaporkan dalam kejadian itu dan air mulai surut kira-kira pukul 3 petang.

"Kejadian ini tidak menje-

jaskan operasi harian universiti termasuk penuntut yang sedang menduduki peperiksaan akhir semester kedua.

"Kami percaya banjir ini berlaku akibat sungai yang mengalir di dalam kawasan UIAM ini tidak dapat menampung hujan yang sangat lebat petang ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut jurucakap tersebut, kejadian seumpama itu merupakan kali pertama berlaku di universiti berkenaan sejak mula beroperasi di Gombak, kira-kira 17 tahun lalu.

Sementara itu, Penolong Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, pihaknya turut menerima laporan mengenai banjir kilat di Jalan Kampung Tengah Batu 6, Gombak, namun air telah surut apabila pasukan bomba tiba di lokasi kejadian.